

Jurnal

PEMIKIRAN DAN KEPIMPINAN MELAYU

2013



©Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu

Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengulang dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa juga cara baik secara elektronik, fotostat, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian kandungan penerbitan ini sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pengarah, Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), Universiti Teknologi MARA, Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia – Data Pengkatalogan – dalam – Penerbitan

Jurnal Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu 2013.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu

Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre,

40450 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan Malaysia.

Tel: 03-5522 5448 / 5515

Fax: 03-5522 5489

e-mail: impakuitm@salam.uitm.edu.my

Mengandungi Indeks: ISSN 2289-5744

e-Printed oleh: INSTITUT PEMIKIRAN DAN KEPIMPINAN MELAYU (IMPAK)

Pendapat yang dikemukakan oleh penulis-penulis dalam jurnal ini adalah pandangan peribadi mereka dan tidak semestinya mewakili pandangan Insitut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dan UiTM. Sebarang ulasan, kemusykilan dan pertanyaan tentang artikel-artikel yang diterbitkan hendaklah dikemukakan kepada Sidang Editor.

Sidang Editorial

Pengerusi:

Prof. Madya Dr. Mohd Sazili Mohd Shahibi

Editor Perunding :

Y.Bhg Prof. Datuk Hj Abdul Halim Sidek

Y.Bhg Prof. Dr. Kamaruddin Mohd Said

Y.Bhg Prof. Dr. Sohaimi Zakaria

Y.Bhg Datuk Zaini Hassan

Prof. Madya Dr. Mohd Ridhuan Tee Abdullah

En. Zulkifli Ab. Rashid

Ketua Penyelaras Editorial:

Prof. Madya Dr. Ghazali Daimin

Sidang Editor:

Prof. Madya Dr. Muhammad Rozi Malim

Dr. Samsudin Wahab

Prof. Madya Mat @ Muhammad bin Yusoff

Tuan Haji Juwahir Ali

En. Hassan Abdullah

En. Fairul Nazmie bin Osman

Pn. Norhayati Hussin

Grafik:

En. Mohd Husni Mohd Som

En. Hussien Harnis

En. Mohd Hafiz Ab Satar

Isi Kandungan

Tajuk	M/s
<p>Dasar Kepimpinan Najib: Model Transformasi Ke Arah Kesejahteraan Global Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Juwahir Ali, Hasan Abdullah Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu Universiti Teknologi MARA.</p>	3-10
<p>Konsep Satu Malaysia Sebagai Agenda Politik : Perlu Diteruskan Atau Difikir Kembali? Ismail Sualman Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM.</p>	11-28
<p>Persepsi Terhadap Kredibiliti Maklumat Politik Di Internet Dalam Kalangan Generasi Muda Mohd Sazili Shahibi, Nurhayati Hussin, Hamka Mohd Noor dan Muhammad Saufi Mohd Hanafiah Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) Universiti Teknologi MARA (UiTM)</p>	29-35
<p>Indeks Kemampuan Pengurusan PKS Melayu/Bumiputera di Malaysia 2012 Muhammad Rozi Malim, Mohd Sazili Shahibi, Ghazali Daimin Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), UiTM.</p>	36-52
<p>Model Integrasi Indeks Utama Prestasi (MIUPA-KPIAs) Agensi Payung Industri Homestay Melayu Malaysia Hasan Abdullah, Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Muhammad Rozi Malim, dan Juwahir Ali Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), UiTM.</p>	53-71
<p>Tahap Keyakinan Diri dan Pencapaian Atlet Bumiputera Vincent A. Parnabas dan Yahaya Mahamood Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, UiTM. Faculty of College of Art and Science, University Utara Malaysia (UUM)</p>	72-77
<p>Bahasa Melayu Benteng Islam dan Melayu Azman Che Mat Universiti Teknologi MARA</p>	78-82
<p>UiTM dan Destini Melayu Prof Madya Dr Ghazali B. Daimin Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR), UiTM.</p>	83-86
<p>Bangkitlah Wahai Remaja Melayu Leylawati Binti Joremi Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM.</p>	87-92

UiTM DAN DESTINI MELAYU

Prof Madya Dr Ghazali B. Daimin
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR)
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam, Malaysia

Bak kata pepatah, “*irama dan lagu tidak sesekali dapat dipisahkan*”, begitulah juga dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan kaum Bumiputera yang sememangnya tidak boleh dipisahkan. Kedua-dua komponen ini amat berkait rapat dan mempunyai elemen sentimental terutamanya dari segi bangsa dan juga persejarahannya. Penubuhan UiTM pada dasarnya adalah untuk membantu anak-anak Bumiputera dari segi pelajaran mereka seterusnya mempertingkatkan sosio-ekonomi mereka. Matlamat yang sama juga dikongsi dengan Bumiputera Sabah dan Sarawak, dimana anak-anak mereka diberi sama taraf untuk diterima masuk belajar di UiTM demi membantu di dalam mempertingkatkan taraf pendidikan anak-anak mereka.

Menurut Nadia Bt Alwi (2004), kemerosotan pencapaian pelajaran oleh pelajar-pelajar Bumiputera khususnya pada peringkat SPM amat ketara sekali terutamanya dalam mata pelajaran sains dan matematik. Begitu juga pada peringkat pusat pengajian tinggi iaitu di Universiti-Universiti Awam di Malaysia, jumlah pelajar-pelajar Bumiputera yang berjaya mendapat Ijazah Kelas Pertama masih rendah jika dibandingkan dengan pencapaian kaum Cina. Menyedari fenomena ini yang sudah melangkaui sejak dahulu lagi, UiTM mengambil langkah ke depan dengan mewujudkan puluhan malah ratusan akademik program bagi membantu kaum Bumiputera untuk maju dalam pendidikan. Malah UiTM juga telah mewujudkan satu program khas iaitu Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) yang akan mengambil pelajar-pelajar Melayu dan Bumiputera yang mempunyai minimum kelayakan 3 kredit sahaja (SPM) untuk memasuki pengajian peringkat Pra-Sains atau Pra-Perdagangan di serata kampus UiTM di Malaysia.

Taraf ekonomi orang Bumiputera pada hakikatnya masih belum mencapai sasaran di dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB). Faktor-faktor ini perlu diambilkira di dalam mempertingkatkan pencapaian kaum Bumiputera di tanah air mereka sendiri. Tambahan pula, UiTM ini adalah HAK orang Bumiputera (Melayu) seperti yang termaktub di dalam perlembagaan Malaysia. Di dalam Perkara 153. Tambahan pula, hak kesamarataan diantara kaum Bumiputera dengan kaum bukan Bumiputera tidak boleh dilaksanakan kerana nisbahnya amat ketara sekali. Penduduk Melayu adalah sebanyak 60% dari jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia dan bangsa Cina cuma menyumbang 20% sahaja.

Sedar tidak sedar bahawasanya, hak kaum Bumiputera di Negara ini telah dikikis sedikit demi sedikit. Ianya bermula dengan tindakan membuka kuota 10% MRSM dan MATRIKULASI kepada kaum bukan Bumiputera, kemudian Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memberikan kuota sebanyak 45% tempat pengajian kepada kaum bukan Bumiputera. Kesemua senario seperti ini memberi kesedaran kepada UiTM bahawasanya UiTM sahajalah sebagai tempat atau benteng pertahanan terakhir bagi maruah kaum Bumiputera di Malaysia. Dengan kata lain, UiTM perlu dipertahankan demi survival orang-orang Melayu di masa akan datang.

Namun, jika ianya benar terjadi (UiTM bukan lagi 100% milik Bumiputera), maka satu malapetaka besar kepada kaum Bumiputera Melayu serta juga kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Kemanakah anak-anak Bumiputera melayu mahu pergi jika kaum lain juga dibenarkan memasuki untuk pengajian ke UiTM. Ruang pengajian di UiTM semakin sempit bagi anak-anak Bumiputera jika anak-anak kaum lain dibenarkan belajar di UiTM. Walhal, semua IPTA lain di Malaysia telah memberi peluang pengajian kepada mereka kecuali UiTM. Ini tidak termasuk lagi Kolej-Kolej swasta yang membuka peluang pengajian kepada kaum-kaum tersebut. UiTM sememangnya milik penuh Bumiputera tanpa boleh diganggu gugat oleh kaum lain. Status ini perlu difahami oleh kaum-kaum lain di Malaysia. Oleh itu, amatlah malang sekali kerana salah seorang daripada kita iaitu dari kaum

Bumiputera Melayu yang begitu berani mempertaruhkan masa depan anak-anak Melayu apabila membenarkan kaum-kaum lain diberi peluang untuk belajar di UiTM.

Hakikat sebenarnya bahawa kita sebagai orang Melayu dan Bumiputera TIDAK SANGGUP melihat suatu hari nanti, di pondok keselamatan di pintu-pintu masuk di UiTM dikawal oleh bangsa-bangsa lain selain dari bangsa Melayu. Tiada lagi ucapan “salam” diberikan oleh pengawal keselamatan (sekarang dipanggil Polis Bantuan UiTM) kepada kakitangan UiTM yang keluar-masuk bekerja setiap hari ke kampus bertuah milik kaum Bumiputera Melayu ini. Tiada lagi kakak, cik atau puan berbangsa Melayu yang bertugas sebagai Polis Bantuan UiTM yang berdiri gagah mengawal di pondok-pondok keselamatan di pintu-pintu utama masuk ke UiTM. Sejak penulis menjejakkan kaki di menara gading bertuah milik Melayu ini, tidak terdapat bangsa lain yang berdiri di sebelah pondok keselamatan selain dari bangsa Melayu kita sendiri. Inilah senario yang penulis tonton semanjak menjejakkan kaki belajar di ITM sejak dari tahun 80’an lagi sehinggalah ke hari ini.

Kita juga tidak sanggup melihat satu hari nanti, tokong-tokong atau berhala diletakkan disetiap pondok-pondok keselamatan di kedua-dua pintu masuk utama ke UiTM. Situasi ini tidak ubah seperti kebanyakan kolej-kolej swasta kepunyaan bangsa lain yang merata-rata ditubuhkan di Lembah Klang ini. Seterusnya penulis mengatakan bahawa jika UiTM ‘roboh’, maka jawatan Dekan, Timbalan Dekan dan beberapa lagi jawatan pertengahan di UiTM majoritinya akan dijawat oleh bangsa-bangsa lain selain bangsa Melayu sendiri. Namun, apa yang paling menakutkan penulis ialah jawatan utama di UiTM iaitu Naib Canselor akan dijawat oleh seorang yang bukan lagi sama bangsa dengan penulis iaitu berbangsa MELAYU ! Jawatan Naib Canselor milik Melayu sejak ianya ditubuhkan akan berpindah tangan kepada bangsa lain. Sayangnya penulis kepada UiTM yang keramat inilah yang menyebabkan penulis menjadi sebak semasa memberi ceramah sebelumnya.

Matlamat penubuhan UiTM (dahulunya ITM) adalah bermatlamat membantu kaum Melayu di dalam bidang pendidikan. Ramai anak-anak kaum Melayu telah diambil belajar di ITM. Jika UiTM sekarang dibuka kepada bangsa-bangsa lain, maka matlamat sebenar penubuhan UiTM akan berkubur. Penulis turut menyatakan bahawa tiada lagi bezanya UiTM dengan IPTA-IPTA lain di Malaysia yang mana kemasukkan pelajar-pelajarnya terdiri dari pelbagai kaum. Tanpa menamakan nama IPTA tersebut, jumlah kemasukkan pelajar-pelajar Bumiputera kian berkurangan jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar bangsa lain. Ini adalah kerana syarat kemasukkan ke IPTA tersebut sememang didominasi oleh kaum-kaum tersebut. Jika ini berlaku kepada UiTM, maka wadah memperjuangkan bangsa di tanah air sendiri akan lenyap dan berkubur. Penulis tidak mahu suatu hari nanti, cucu-cicit akan menyalahkan kita kerana ‘mengorbankan’ status UiTM kepada bangsa-bangsa lain.

Penulis juga memperkatakan tentang Yuran Pengajian yang dikenakan oleh pihak UiTM begitu murah jika dibandingkan dengan IPTS malah IPTA yang lain di tanah air. Penulis menjelaskan UiTM cuma mengenakan yuran diantara RM300-RM700 bagi satu semester (bergantung kepada program yang diikuti). Penulis sempat mengimbuai kembali semasa beliau mula mendaftar diri belajar di UiTM (ITM ketika itu), yuran yang dikenakan cuma RM110 sahaja untuk satu semester. Jumlah bayaran sekecil ini adalah bagi membantu pelajar-pelajar berbangsa Melayu yang kurang mampu dari segi kewangan untuk belajar di menara gading, dan menara gading yang termampu oleh kebanyakan kaum melayu ialah UiTM. Sekarang ini, jumlah yuran yang dikenakan oleh IPTS malah IPTA amat tinggi jika dibandingkan yuran yang dikenakan oleh UiTM. Sebagai contohnya, bagi program peringkat Diploma di IPTS, yuran dikenakan kepada pelajar-pelajar sekitar RM38,000 – RM40,000 per-program. Manakala peringkat Ijazah pula, yuran yang dikenakan sekitar RM55,000-RM60,000 per-program. Ini jelas berbeza dengan UiTM yang mana pelajar-pelajar cuma membayar sekitar RM600 persemester X 6 semester = RM3,600 bagi per-program.

Faktor-faktor inilah yang menyebabkan penulis terasa hiba dan sayu apabila mengenangkan jenama UiTM di dalam memperjuangkan bangsa Melayu dan apakah kesannya kepada kaum Melayu jika UiTM bukan lagi milik sepenuhnya kaum Melayu. Sebagai kesimpulannya, kaum Melayu mesti berjuang mempertahankan segala hak milik mutlak mereka di bumi bertuah Malaysia ini. Jangan sesekali ianya terlepas ke tangan bangsa lain. Tiada jawapan yang akan diberikan kepada anak-anak

kita semua jika semua hak milik kaum Melayu jatuh ke tangan kaum bukan Melayu. Jika ini dapat dilaksanakan, maka UiTM akan dapat menjayakan destini anak bangsa Melayu dan Bumiputera dalam pendidikan Negara yang kita semua cintai ini.

RUJUKAN:

1. Hairulazim Mahmud, Mstar.com.my *Tugas UiTM Perbetulkan Ketidakadilan Sejarah*, 13 Februari 2010.
2. Nadia Bt Alwi, 'Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar Bumiputera Bagi Mata Pelajaran Teknikal Di Sekolah Satu Jantina Kawasan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 2004.
3. Fatini Yaacob. *Natrah (1937-2009), Nadra @ Huberdina Maria Hertogh @ Bertha, Cinta, Rusuhan, Air Mata*, Penerbit UTM, Skudai Malaysia, 2010.
4. Federation of Malaya. *Report of the Education Committee 1956*, Kuala Lumpur: Percetakan Negara, 1958. Biasanya dirujuk sebagai Laporan Razak 1956.
5. Hassan Ahmad. *Memperkasa Bangsa Melalui Kekuatan Dalaman: Ke arah Kelahiran Melayu Global*, Alaf 21 Sdn bhd, Selangor, 2006.
6. Khalijah Mohd Salleh. *Memperkasakan Jati Diri Wanita Islam di Alam Melayu, Muktamar Wanita Islam di Alam Melayu*, 13-15 Februari 2009, Hotel Palace of the Golden Horses.
7. Leon Comber. *Peristiwa 13 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*, Terjemahan oleh Omardin Haji Ashaari, International Book Service, 2007.
8. Lily Zubaidah Rahim, dan Yunus Ali. *Dilema Singapura: Peminggiran Politik dan Pelajaran Masyarakat Melayu*, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB), 2008.
9. Mahamad Naser Disa. 10 Salah Tanggapan Mengenai Kedudukan Islam Di Malaysia, *Konvensyen Pemacuan Transformasi Sistem Perundangan Islam Di Malaysia*, IKIM dan MAIS, 5-6 April 2011.
10. Mohamad Abd Karim. *Sejarah British Di Tanah Melayu* (online), Pendidikan Pembangunan Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, 18 Oktober 2009.
11. Mohamad Syafiqe Abdul Rahim. *Memahami Kontrak Sosial dan Kedudukannya Menurut Perlembagaan Malaysia*, *Syariah & Law in Malaysia*, Version 2.0 (online), 22 March, 2008.
12. Mohamed Salleh Abas. *Sejarah Perlembagaan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor, 1987.
13. Mohamed Suffian Hashim. *An introduction to the Constitution of Malaysia*, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1972.
14. Mohd Suffian Hashim. *Mengenal Perlembagaan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987.
15. Mohd Yazid Yusoff, Mohd Noor Mohd Zain, dan Idris Omar. *Persamaan dan Perbezaan Akta Pelajaran 1961 dengan Akta Pendidikan 1996*, 25 Januari 2002, Utusan Malaysia (online), 19 Mac 2002.

16. Najib Tun Razak. *Menakhoda Zaman*, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), 2009, ISBN: 9789830684796.
17. *Perlembagaan Persekutuan* (Hingga 20 Januari 2010). International Law Book Services.
18. Shamrahayu Abd. Aziz. *Keistimewaan Melayu Adalah Hak*, The Malaysian Insider, Breaking News (online), 5 September 2010.
19. Sulaiman Zakaria. *Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*, Impiana Publications & Distributors, 2010.



اِنْسْتِيْتُوْت ْفِيْكِيْرِن ْدَان ْكَلِيْمَقِيْن ْمَلَايُو
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



اِنْسْتِيْتُوْت ْفِيْكِيْرِن ْدَان ْكَلِيْمَقِيْن ْمَلَايُو
IMPAK
Institut Pemikiran & Kepimpinan Melayu

**Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu
Universiti Teknologi MARA**

Aras 3, Blok 11, Intekma Resort & Convention Centre, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

No. Telefon: 03-5522 5515 / 5448 No. Faks: 03-5522 5489

E-mail: impakuitm@salam.uitm.edu.my
Web: <http://impak.uitm.edu.my/v1/>

ISSN 2289-5744



9 772289 574008